

INOVASI SALAM SEBAGAI ALTERNATIF TAWARRUQ DALAM PRODUK PEMBIAYAAN PERIBADI ISLAM: TINJAUAN LITERATUR

SALAM INNOVATION AS AN ALTERNATIVE TO TAWARRUQ IN ISLAMIC PERSONAL FINANCING PRODUCTS: LITERATURE REVIEW

¹Nur Syahidah Yusop & ¹Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi

¹Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

^{*}(Corresponding author) e-mail: Syahidahyusop00@gmail.com

ABSTRAK

Seiring dengan kehendak semasa, produk kewangan Islam berasaskan tawarruq mendapat sambutan yang positif dalam kalangan institusi perbankan Islam di Malaysia mahupun peringkat global. Populariti ini disebabkan oleh ciri-ciri tawarruq yang berasaskan jual beli membolehkan jaminan modal, kecairan tunai, dan keuntungan yang terjamin. Namun yang demikian, populariti ini membawa kepada dominasi tawarruq dalam hampir kesemua produk kewangan Islam, yang mana ia berpotensi menyebabkan beberapa risiko; risiko penumpuan (concentration risk), risiko ketulenan Syariah (authenticity risk), risiko kredit (credit risk) dan risiko reputasi (reputational risk). Oleh itu, langkah proaktif dalam meneroka kontrak kewangan Islam yang lain bagi menyediakan alternatif kepada tawarruq perlu dilakukan. Kajian ini bertujuan meneroka potensi salam sebagai alternatif tawarruq dalam menawarkan produk pembiayaan peribadi di perbankan Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan metode pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dengan meneliti dan menganalisis data sekunder yang dikutip daripada pelbagai sumber seperti artikel, jurnal, buku, resolusi, standard Syariah dan helaian pendedahan produk (product disclosure sheets).

Kata Kunci: *Alternatif, Salam, Tawarruq, Risiko, Dominasi.*

ABSTRACT

In line with current demands, tawarruq-based products have received positive reception among banking institutions. This popularity is due to the features of tawarruq, which are based on buying and selling, allowing for capital guarantee, liquidity, and assured profits. However, this popularity leads to dominance of tawarruq in almost all Islamic financial products which is potentially gives rise to several risks; concentration risk, Shariah authenticity risk, credit risk, and reputational risk. Therefore, proactive acts in exploring other Islamic financial contracts to provide alternatives to tawarruq is necessary. This study aims to investigate the potential of salam as an alternative to tawarruq in offering financing products within Islamic banking in Malaysia. The study employs a qualitative approach using literature review, examining and analyzing secondary data collected from various sources such as articles, journals, books, resolutions, Shariah's standards and product disclosure sheets.

Keyword (s): *Alternative, Salam, Tawarruq, Risk, Dominance*

Pendahuluan

Tawarruq merupakan salah satu bentuk inovasi dan alternatif kepada kontrak pinjaman yang berunsurkan riba yang ditawarkan dalam sistem kewangan konvensional selain dari beberapa instrumen kewangan lain yang kini semakin kurang digunakan seperti bay' al-'inah dan bay' bithaman muajjal. Inovasi dilakukan bertujuan memudahkan keperluan kewangan harian masyarakat melalui penyediaan sistem pembiayaan yang menepati piawaian patuh Syariah. Perkembangan tawarruq sebagai kontrak kewangan Islam telah berkembang dengan pesat sehingga menjadikannya kontrak yang dominan dalam penawaran produk kewangan Islam di Malaysia mahupun di peringkat global. Dominasi ini didorong oleh ciri sistem operasi tawarruq yang lebih mudah dan cepat dilaksanakan berbanding kontrak alternatif yang lain.

Walau bagaimanapun, dominasi tawarruq di dalam produk kewangan Islam berpotensi menyebabkan beberapa risiko; risiko penumpuan (concentration risk), risiko ketulenan syariah (authenticity risk), risiko kredit (credit risk), dan risiko reputasi (reputational risk). Oleh itu, terdapat pelbagai usaha telah dilakukan bagi mencari alternatif kepada tawarruq dalam produk kewangan Islam. Abd Rahman dalam pembentangannya pada Muzakarah Kewangan Islam 2024 mencadangkan beberapa kontrak kecairan tunai yang berpotensi menjadi alternatif kepada tawarruq, antaranya murabahah purchase orderer, ijarah, salam-based financing, bay' al-khadamat dan bay' al-manafi' (Abd Rahman, 2024).

Di samping itu, beberapa kajian terdahulu seperti (Ishak et al., 2025), (Saleem, 2014), (Ahmad et al., 2020), (Badeeu & Muneeza, 2023), (Ibrahim & Mohammed, 2022), (Naim, 2025) dan (Dewi et al., 2025) turut mencadangkan keperluan inovasi kontrak kecairan tunai untuk diadaptasi dalam penawaran produk kewangan Islam. Para sarjana berpandangan bahawa institusi kewangan Islam wajar memperluaskan usaha inovasi bagi mempelbagaikan produk kewangan Islam seterusnya menawarkan produk pembiayaan yang lebih sejajar dengan maqasid Syariah dan mengurangkan kebergantungan terhadap tawarruq semata-mata.

Perkembangan institusi kewangan Islam yang kian pesat memberi isyarat bahawa ia bakal mengubah landskap institusi kewangan Islam, selanjutnya mendorong kepada kepelbagaian inovasi kontrak kewangan Islam. Justeru itu, para pengkaji dan pihak industri kewangan Islam perlu mengambil tindakan proaktif dalam meneliti konsep kontrak kecairan tunai alternatif bagi memastikan institusi kewangan Islam kekal relevan pada masa hadapan di samping memelihara kelestariannya dalam institusi kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti konsep salam sebagai salah satu kontrak kecairan tunai alternatif dalam penawaran produk pembiayaan peribadi di institusi perbankan Islam di Malaysia.

Metode

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan metode kajian kepustakaan. Data yang diperoleh adalah daripada data sekunder yang dikumpul daripada pelbagai sumber seperti jurnal, artikel, buku, resolusi, standard Syariah dan helaian pendedahan produk (product disclosure sheet). Data-data yang telah dikumpul ini kemudiannya diteliti dan dianalisis bagi memperoleh hasil kajian. Hasil daripada kaedah ini dapat mengeluarkan satu analisis tentang konsep tawarruq termasuk pandangan para sarjana Islam terhadap keharusannya. Selain itu, kajian ini turut menganalisis potensi salam sebagai alternatif kepada tawarruq dalam penawaran produk pembiayaan peribadi di perbankan Islam di Malaysia.

Konsep Tawarruq

Kalimah tawarruq berasal daripada kalimah wariq atau waraq yang bermaksud perak atau dirham. Kemudian, kalimah wariq digabungkan dengan wazan (طلب) yang bermaksud meminta atau memohon. Oleh itu, tawarruq pada bahasa boleh ditakrifkan dengan memohon wang perak atau dirham.

Kalimah wariq disebutkan di dalam al-Quran dan hadith Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam.

Allah berfirman dalam surah al-Kahfi:

وَكَذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِئْتُمْ قَالُوا لَبِئْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِئْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ۙ ١٩

Terjemahan: Dan demikianlah Kami bangunkan mereka agar mereka saling bertanya dia antara mereka sendiri. Berkatalah salah seorang dari mereka: “ Sudah berapa lama kamu di sini?” Mereka menjawab, “Kita berada di sini sehari atau separuh hari”. Berkata yang lain lagi, “Tuhanmu lebih mengetahui berapa lama kamu di sini. Maka hantarlah salah seorang dari kalian (ashab al-Kahfi) pergi ke kota dengan membawa wang perak ini, dan hendaklah dia melihat makanan manakah yang lebih baik, maka hendaklah dia membawa makanan itu kepada kalian, dan hendaklah dia bersikap lemah lembut dan janganlah sesekali menceritakan perihal kalian kepada seorang pun.

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam juga ada menggunakan kalimah al-wariq dalam beberapa hadith Baginda, antaranya adalah hadith daripada ‘Aisyah radiyallahu ‘anha :

أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ الْمَرْزُوقِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا وَكَيْعٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ التُّورِيُّ، عَنْ مَنْصُورٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنِ الْأَسْوَدِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْوَلَاءُ لِمَنْ أَعْطَى الْوَرَقَ، وَوَلِيَ التَّعَمَّةَ

Terjemahan : Ketaatan (bagi seorang hamba) ialah kepada siapa yang memberikan al-wariq (wang perak) dan orang yang menguruskan kenikmatan (pembebasan).


Definisi tawarruq dari segi syara’ menurut sarjana Islam kontemporari pula bermaksud suatu belian komoditi secara tangguh oleh pelanggan, kemudian pelanggan menjual semula komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang lebih murah berbanding harga belian asal. Definisi tawarruq menurut Bank Negara Malaysia pula merujuk kepada gabungan dua kontrak yang melibatkan tiga pihak atau lebih. Dalam proses ini, aset dijual oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Kemudian, pembeli dalam transaksi pertama akan menjual aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dan segera (spot). Pihak ketiga ini merupakan pembeli yang berbeza daripada pembeli dalam transaksi awal (BNM, 2018).

Tawarruq secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian; iaitu tawarruq fardi dan tawarruq munazzam. Sarjana Islam klasik telah menghuraikan perbincangan tawarruq secara terperinci di dalam kitab-kitab turath dan bersepakat mengharuskan tawarruq fardi kecuali beberapa golongan dalam mazhab Hanbali yang memakruhkan bahkan ada yang mengharamkan tawarruq klasik seperti Ibn Taimiyyah dan anak muridnya Ibn Qayyim. Antara dalil yang digunakan dalam menolak keharusan tawarruq adalah dalil daripada ‘Umar bin ‘Abdul ‘Aziz radhiyallahu ‘anhu yang menyatakan:

التورق أخية الربا

Terjemahan: Tawarruq adalah saudara bagi riba.


Perkembangan institusi kewangan Islam menjadikan sistem kewangannya semakin kompleks serta meningkatkan keterlibatan pasaran antarabangsa. Perkembangan ini mendorong kepada keperluan peralihan dari tawarruq fardi kepada tawarruq munazzam. Peralihan ini disebabkan oleh sistem operasi dalam tawarruq munazzam adalah lebih teratur dan berupaya mengurangkan risiko kerugian. Penawaran produk pembiayaan berasaskan tawarruq sehingga kini menunjukkan trend yang positif sehingga dicatatkan penawarannya dalam produk perbankan Islam melebihi 90% berbanding kontrak kewangan Islam yang lain (Abd Rahman, 2024).



Rajah 1: Produk Pembiayaan di Malaysia dan Timur Tengah.

Sumber: Olahan daripada (Abd Rahman, 2024)

Berikut merupakan proses asas penawaran produk pembiayaan peribadi yang berasaskan tawarruq dalam perbankan Islam.



Rajah 2: Modus operandi tawarruq dalam penawaran produk pembiayaan peribadi.

- 1) Setelah pelanggan membuat permohonan pembiayaan berasaskan tawarruq dan melengkapkan borang persetujuan terma dan syarat pembiayaan dengan bank, bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi.
- 2) Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan secara murabahah iaitu harga asal komoditi ditambah dengan harga keuntungan dan secara bayaran tangguh.
- 3) Pelanggan mewakilkan pihak bank untuk menjual komoditi tersebut kepada pembeli komoditi secara bayaran tunai dan hasil jualan akan didebitkan ke dalam akaun pelanggan.

Pada akhir transaksi, pelanggan akan membayar hutang kepada pihak bank secara ansuran mengikut terma kontrak pembiayaan yang dipersetujui bersama.

Ilustrasi dalam rajah 2 merupakan proses asas produk pembiayaan tawarruq di dalam perbankan Islam Malaysia. Berdasarkan proses tersebut, pelanggan perlu memohon produk pembiayaan di perbankan Islam. Dalam beberapa tempoh setelah pihak bank melakukan penilaian kredit untuk pelanggan dan meluluskan permohonan tersebut, pelanggan akan menerima surat tawaran (*letter of offer*) produk pembiayaan yang mempunyai terma dan syarat pembiayaan yang dimohon. Pelanggan perlu menandatangani borang tersebut menandakan persetujuan terhadap terma dan syarat pembiayaan yang ditawarkan. Selepas selesai, pihak bank akan melaksanakan transaksi tawarruq. Terdapat staf yang dikhususkan untuk memasukkan perincian jumlah belian ke dalam sistem Perkhidmatan Islam Bursa Malaysia (BMIS) pada setiap hari untuk membeli komoditi dari pembekal komoditi. Setelah itu, komoditi tersebut akan dijual kepada pelanggan dengan berwakilkan pihak bank secara jual beli dalam sistem. Setelah itu, staf akan mewakili pelanggan sekali lagi dalam proses jualan semula komoditi melalui sistem BMIS. Setiap rekod transaksi jual beli komoditi akan disimpan di bank dengan bukti E-sijil (*E-certificate*) jual beli komoditi di sistem BMIS. Kemudian, sistem BMIS akan membayar kepada pelanggan dengan mengarahkan pihak bank untuk mendebitkan ke akaun pelanggan. Akhirnya, pelanggan akan membayar semula hutang dengan pihak bank mengikut tempoh yang termaktub dalam kontrak yang dipersetujui (Izzul & Zulkepli, 2021).

Inovasi Salam Sebagai Alternatif Tawarruq dalam Produk Pembiayaan Peribadi

Perbankan Islam di Malaysia menawarkan produk pembiayaan peribadi melalui kontrak bay' bithaman muajjal (BBA), bay' al-'inah (BAI) dan tawarruq. Namun demikian, hanya satu bank Islam yang masih menawarkan BBA dan BAI dalam produk pembiayaan peribadi, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3. Hal ini kerana operasi transaksi BBA dan BAI yang bertujuan memberikan pembiayaan kepada pelanggan dilihat menyerupai amalan pinjaman dalam bank konvensional.

Walaupun penawaran tawarruq dalam produk pembiayaan mendapat sambutan yang positif dalam kalangan pemain industri, akan tetapi pelaksanaannya menghadapi pelbagai dilema. Hal ini disebabkan institusi kewangan Islam menjadi terlalu selesa bergantung kepada tawarruq sebagai kontrak sandaran bagi hampir kesemua produk pembiayaan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kontrak-kontrak kewangan Islam lain yang berasaskan ekuiti dan perkongsian untung rugi semakin dipinggirkan. Selain itu, kesahihan kontrak tersebut masih menjadi perbincangan, terutama daripada kalangan sarjana Islam Timur Tengah. Perdebatan ini timbul disebabkan transaksi tawarruq dikatakan tidak melibatkan komoditi sebenar dan hanya berlaku secara dokumentasi atau "di atas kertas".

Sehubungan dengan itu, inovasi terhadap kontrak kewangan dalam produk pembiayaan peribadi perlu dilakukan secara proaktif oleh pemain industri dan badan penggubal dasar bagi mengurangkan risiko-risiko terkait dengan dominasi tawarruq. Selain itu, inovasi ini penting bagi membuktikan institusi kewangan Islam masih relevan dan mampu berdaya saing dengan institusi kewangan konvensional dalam mempelbagaikan kontrak kewangan dan tidak hanya bergantung terhadap satu kontrak sahaja.

Rajah 3: Kontrak Kewangan Islam yang digunakan dalam Produk Pembiayaan Peribadi oleh Bank-bank Islam di Malaysia.

No	Bank Islam	Kontrak yang ditawarkan dalam produk pembiayaan peribadi
1	Affin Islamic Bank Berhad	Tawarruq
2	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	BBA
3	Alliance Islamic Bank Berhad	Tawarruq
4	AmBank Islamic Berhad	Tawarruq
5	Bank Islam Malaysia Berhad	Tawarruq
6	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Tawarruq
7	CIMB Islamic Bank Berhad	Tawarruq
8	Hong Leong Islamic Bank Berhad	Tawarruq
9	HSBC Amanah Malaysia Berhad	Tawarruq
10	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Tawarruq
11	Maybank Islamic Berhad	Tawarruq
12	MBSB Bank Berhad	Tawarruq
13	OCBC Al-Amin Bank Berhad	Tidak diketahui
14	Public Islamic Bank Berhad	BAI
15	RHB Islamic Bank Berhad	Tawarruq
16	Standard Chartered Saadiq Berhad	-

Sumber: Respective banks' product disclosure sheets and websites, (Hasmad & Alosman, 2022).

Bay' Salam (Future Commodity Sale)

Salam merupakan antara inovasi yang pernah dicadangkan dalam kajian-kajian lepas seperti dalam kajian (Saleem, 2014) dan (Ahmad et al., 2020). Salam atau dikenali juga sebagai salaf merujuk kepada transaksi jual beli yang melibatkan bayaran secara tunai ketika transaksi dilakukan, manakala penghantaran komoditi salam dilakukan secara tangguh pada waktu yang telah disepakati pada awal kontrak. Menurut AAOIFI (2015, hlm. 289), salam didefinisikan sebagai:

“a purchase of a commodity for deferred delivery in exchange for immediate payment. It is a type of sale in which the price, known as the Salam capital, is paid at the time of contracting while the delivery of the item to be sold, known as al-Muslam fihi (the subject matter of a Salam contract), is deferred. The seller and the buyer are known as al Muslam ilaihi and al-Muslam or Rabb al-salam respectively”.

Salam turut didefinisikan di dalam kitab-kitab turath sebagai "بيع شيء موصوف في الذمة", iaitu pembelian sesuatu yang disifatkan yang berada dalam tanggungan penjual.

Kewujudan barang jualan dalam transaksi merupakan salah satu prinsip asas untuk memastikan kesahihan transaksi. Hal ini bertepatan dengan larangan terhadap jual beli barang yang tidak wujud

(معدوم) kerana membawa kepada ketidakpastian (غرر) dan pertikaian. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

حَدَّثَنِي يَحْيَى، عَنْ مَالِكٍ، عَنْ أَبِي حَازِمٍ بْنِ دِينَارٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «نَهَى عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ»

Terjemahan matan: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam melarang jual beli yang mengandungi unsur gharar


Namun demikian, salam merupakan transaksi yang terkecuali daripada prinsip asas tersebut, di mana ia diharuskan oleh Syariah walaupun barang jualan belum ada ketika majlis akad berlangsung kerana ia memenuhi keperluan masyarakat. Hal yang demikian, bertepatan dengan kaedah meraikan kemaslahatan walaupun tiada dalil khusus (مصلح مرسله). Keharusan salam disokong dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas dalam kitab Sahih al-Bukhari (85/3):

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ زُرَّارَةَ: أَخْبَرَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَلِيَّةَ: أَخْبَرَنَا ابْنُ أَبِي نَجِيحٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَثِيرٍ، عَنْ أَبِي الْمُنْهَالِ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: «قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، وَالنَّاسُ يُسَلِّفُونَ فِي التَّمْرِ الْعَامَ وَالْعَامَيْنِ، أَوْ قَالَ: غَامِئِينَ أَوْ ثَلَاثَةَ، شَكََّ إِسْمَاعِيلُ، فَقَالَ: مَنْ سَلَّفَ فِي تَمْرٍ، فَلْيُسَلِّفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ، وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ»

Terjemahan matan: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam telah datang ke Madinah dan masyarakat di sana melakukan jual beli tamar secara salaf selama setahun dan dua tahun, atau dikatakan dua tahun dan tiga tahun. Ismail berasa syak terhadap jual beli tersebut, lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda, barangsiapa yang melakukan jual beli tamar secara salaf, maka lakukanlah dengan syarat kailnya dan wazannya telah ditentukan (al-Bukhari, hadith nombor 2239).

Kontrak yang digunakan oleh institusi perbankan Islam dalam penawaran produk pembiayaan berasaskan salam ialah salam paralel. Salam paralel merujuk kepada dua transaksi salam yang berbeza, terpisah dan berdiri secara bebas antara satu sama lain dan melibatkan tiga pihak. Menurut AAOIFI (2017), salam paralel didefinisikan sebagai:

The seller enters into another separate and independent salam contract with a third party to acquire goods of a similar specification to those specified in the first Salam contract, so that he (the seller) can fulfil his obligation under that contract, then this second contract is called, in contemporary custom, parallel salam or salam muwazi.



Rajah 4: Modus operandi salam paralel dalam penawaran produk pembiayaan peribadi.

Sumber: Olahan daripada (AIMS Education, n.d.).

Berikut merupakan proses asas penawaran produk pembiayaan peribadi berasaskan salam paralel:

- 1) Bank membeli 500 guni beras daripada pembekal dengan bayaran penuh ketika majlis akad, manakala penghantaran 500 guni beras tersebut akan diserahkan secara tangguh pada suatu tarikh yang telah dipersetujui bersama.
- 2) Selepas menerima penghantaran 500 guni beras, bank menjual semula beras tersebut kepada pihak ketiga secara kredit. Selepas menerima penghantaran daripada bank, pihak ketiga menandatangani surat perjanjian pembayaran hutang sebagai pengesahan bayaran akan dilunaskan pada tarikh yang dipersetujui bersama.

Amalan salam paralel dalam produk pembiayaan turut diamalkan di Bank Islam Dubai (DIB) dengan menggunakan nama *Al-Islami Salam Finance*. Selepas menandatangani borang menandakan persetujuan terhadap terma dan syarat pembiayaan yang ditawarkan, DIB akan mula melaksanakan transaksi dengan membeli komoditi daripada pelanggan berasaskan salam. Melalui operasi ini, komoditi salam akan diserahkan kepada DIB secara tangguh pada tarikh yang ditetapkan, manakala pelanggan akan menerima pembayaran secara tunai (spot). Dalam transaksi salam yang berasingan,

pelanggan akan membeli semula komoditi tersebut daripada pihak ketiga yang merupakan anak syarikat DIB dengan penghantaran tangguh, manakala DIB akan mendapatkan semula duit hasil jualan daripada pelanggan (Saleem, 2014).

Hasil

Salam menawarkan beberapa kelebihan yang berpotensi meningkatkan ketulenan Syariah dalam penawaran produk pembiayaan peribadi. Pada akhir transaksi, pelanggan atau pembekal komoditi salam akan menerima kecairan secara tunai (spot) dengan jumlah seperti yang dipersetujui oleh pihak yang berkontrak ketika awal transaksi, sekali gus memenuhi keperluan kecairan tunai tanpa melibatkan transaksi pinjaman yang berunsurkan faedah riba. Selain itu, salam turut memperlihatkan aktiviti ekonomi sebenar di mana ia melibatkan pergerakan komoditi yang nyata. Hal ini berbeza dengan amalan tawarruq yang sering dikritik oleh sarjana Islam Timur Tengah yang mengatakan taawarruq tidak melibatkan komoditi yang nyata dan hanya berlaku secara dokumentasi atau 'atas kertas'.

Walaupun amalan salam paralel diharuskan oleh Syariah, akan tetapi ia masih belum mencapai tahap model atau struktur kewangan Islam yang terbaik disebabkan risiko operasinya yang terdedah dengan perubahan harga pada kontrak masa hadapan. Dalam amalan salam, pembayaran komoditi dilakukan secara penuh pada permulaan transaksi, manakala penyerahan berlaku pada masa akan datang. Sepanjang tempoh tersebut, harga di pasaran berkemungkinan berlaku turun naik. Sekiranya harga komoditi naik di pasaran, penjual akan mengalami kerugian kerana harga di awal akad atau di awal pembayaran kebiasaannya lebih rendah daripada harga ketika penyerahan komoditi dilakukan. Selain itu, amalan salam juga terdedah dengan risiko kerosakan atau ketidakpatuhan spesifikasi komoditi salam sebelum penyerahan dilakukan. Kerosakan pada komoditi boleh menyebabkan transaksi terbatal dan mewujudkan obligasi baru untuk membuat pembayaran ganti rugi.

Rumusan

Peranan salam adalah sama dengan tawarruq, iaitu membolehkan sesuatu transaksi dijalankan mengikut undang-undang yang ditetapkan selain memberikan kecairan tunai kepada pelanggan. Namun, perbedaannya dapat dilihat melalui sistem operasinya. Tawarruq dilaksanakan di dalam sistem yang memanfaatkan teknologi moden dan kurang melibatkan dokumen fizikal supaya operasi menjadi lebih mudah dan cepat, manakala salam bersifat tradisional di mana prosesnya melibatkan dokumen fizikal dan penglibatan tenaga kerja manusia dalam operasi.

Penerapan salam dalam penawaran produk pembiayaan di perbankan Islam bukan sekadar berupaya meningkatkan ketelusan operasi, malah turut berpotensi menjadi *second vehicle* kepada tawarruq yang kini hampir mendominasi keseluruhan produk kewangan Islam di Malaysia (Hasmad & Alosman, 2022). Walaupun begitu, perlu disedari bahawa transformasi ke arah kepelbagaian inovasi produk kewangan Islam bakal mengubah landskap kewangan Islam dan juga landskap risiko yang sedia ada. Justeru itu, dalam menghadapi dan mengikuti arus perkembangan institusi kewangan Islam yang pesat, para penyelidik dan regulator perlu mengambil tindakan proaktif untuk memperhalusi inovasi yang boleh dilakukan terhadap tawarruq, di samping meneliti aspek pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasinya.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (Kod Penyelidikan: FRGS/1/2024/S\$103/USIM/02/8) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dan Geran Penyelidikan Transdisiplinari USIM (Kod Penyelidikan: PPPI/ TRANSDISIPLINARI/ FSU/USIM/18123) Universiti Sains Islam Malaysia.

RUJUKAN

- Abd Rahman, Z. (2024). *Inovasi Dan Cabaran Terhadap Pembiayaan Keperluan Tunai*. Muzakarah Muamalat Kewangan Islam, Hala Tuju Perbankan Islam Mendepani Risiko Baharu, 1–29.
- Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial Institutions (Aaoifi) (2015). *Sharia Standards For Islamic Financial Institutions*. Bahrain: Aaoifi
- Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial Institutions. (2017). *Shariah Standards For Islamic Financial Institutions*. Bahrain: Aaoifi.
- Ahmad, Z., Zahir, F., Usman, A. M., Muneeza, A., & Mustapha, Z. (2020). *An Exploratory Study On The Possibility Of Replacing Tawarruq Based Islamic Banking Products Using Other Alternatives*. International Journal Of Management And Applied Research, 7(2), 147–164. <https://doi.org/10.18646/2056.72.20-011>
- Aims Education. (N.D.). *Salam Contract In Islamic Banking*. <https://aims.education/study-online/salam-contract-in-islamic-banking/>
- Al-Bukhari (1997). *Sahih Al-Bukhari* (Vol. 3, P. 85). Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah
- Al-Quran, *Surah Al-Kahfi*, Ayat 19.
- Al-Nasa’i (N.D.). *Sunan Kubra* (Vol. 6, P. 130). Toba Dar Risalah
- Badeeu, F. N., & Muneeza, A. (2023). *Striving For Authenticity: Enhancing Shariah-Compliance In Home Financing Products Within Malaysia’s Islamic Finance Industry*. International Journal Of Islamic Economics And Finance Research, 1, 48–62. <https://doi.org/10.53840/Ijiefer112>
- Bnm. (2018). *Tawarruq Policy Document*. 28 December 2018. https://doi.org/10.1007/978-3-030-93703-4_297-1
- Dewi, G., Erdoğan, A., & Al-Momani, A. (2025). *Shariah-Compliant Venture Capital : Exploring Financing Models For Startups In Indonesia*. 3(2), 191–203.
- Dubai Islamic Bank Launches Al Islami Salam Finance. Link: <https://www.wam.ae/en/article/hsyj4c7e-dubai-islamic-bank-launches-islami-salam-finance>
- Hasmad, N., & Alosman, A. (2022). *An Overview Ofthewide Extent Of Tawarruq Implementationin Malaysia Islamic Banking Products*. Al- Qanatir International Journal Of Islamic Studies, 26(1), 37–55. <https://al-qanatir.com/>
- Ibrahim, N., & Mohammed, M. O. (2022). *Ranking The Compliance Of Islamic Banking Home Financing Products With Maqasid Shariah Using*. 14(3).
- Ishak, M. S. I., Mahmud Robbi, A. A., Asni, F., & Mohd Dasar, M. H. (2025). *The Principle Of Maalat In Dealing With The Issue Of Tawarruq Overuse In Islamic Banking In Malaysia*. Journal Of Islamic Accounting And Business Research. <https://doi.org/10.1108/Jiabr-08-2024-0304>
- Izzul, M., & Zulkepli, S. (2021). *Konsep Kontrak Pintar Dan Potensinya Terhadap Transaksi Pembiayaan Berasaskan Tawarruq*. 18(2), 347–378.
- Naim, N. (2025). *Intellectual Property And Islamic Finance : Opportunities And Challenges For A New Islamic Intellectual Property Finance Framework*. 395–412. <https://doi.org/10.1002/Tie.22430>
- Saleem, M. Y. (2014). *Reverse Salam As An Innovative Instrument For Investment Accounts*. 6(1), 183–194.